

# Barisan Nasional akan bincang keanggotaan Snap

**KUALA LUMPUR, Khamis** — Kedudukan Parti Kebangsaan Sarawak (Snap) dalam Barisan Nasional — sama ada akan dikekalkan dengan amaran atau disingkir — dijangka menjadi salah satu agenda utama mesyuarat Majlis Tertinggi Barisan Nasional, di sini, Ahad ini.

Permohonan Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) untuk menganggotai BN, sebagai parti anggota ke-12 jika Snap tidak disingkir, juga akan dibincangkan dalam sidang itu yang akan dipengerusikan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku pengerusi Barisan Nasional.

Selain itu, Perdana Menteri juga akan memberi taklimat mengenai pindaan perlembagaan kepada ahli-ahli Majlis Tertinggi Barisan Nasional.

Sehingga ini, beberapa desakan dibuat supaya Snap disingkir daripada BN kerana

na tindakannya mengemukakan calon-calon bebas untuk menentang parti anggota BN dalam pilihanraya negeri Sarawak minggu lalu.

Parti itu meletakkan beberapa calon bebas menentang Parti Bumiputera Bersatu Sarawak (PBB), anggota utama BN di Sarawak yang dipimpin oleh Ketua Menteri, Datuk Patinggi Haji Abdul Taib Mahmud, dan sebuah lagi parti anggota Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP).

Sumber-sumber berkata hari ini, semua parti anggota akan mengundi untuk menentukan sama ada Snap dikekalkan atau disingkir dari BN.

Jika Snap pimpinan Datuk James Wong dikeluarkan dari BN, ia adalah parti yang kedua — selepas Pas — disingkir dari menganggotai Barisan Nasional yang ditubuhkan dalam 1974.

Menurut sumber itu, kuasa untuk mengemukakan cadangan mengemukakan atau menyingkir Snap terletak pada Datuk Patinggi Haji Abdul Taib selaku pengerusi BN Sarawak.

Berdasarkan kekecewaan-nya terhadap Snap, yang disyitharkan secara terbuka sebagai musuh kerana mengemukakan calon bebas menentang partinya, besar kemungkinan Datuk Patinggi Haji Abdul Taib akan mengesyorkan supaya Snap dikeluarkan dari BN.

Pilihan kedua bagi beliau ialah mengemukakan cadangan supaya tindakan disiplin diambil terhadap parti itu kerana melanggar prinsip-prinsip BN.

Pergerakan Pemuda PBB semalam meluluskan usul menggesa penyingkiran Snap daripada BN.

Usul itu juga menyokong sebarang tindakan yang akan diambil oleh Ketua

Menteri terhadap parti itu.

Mengenal permohonan PBDS untuk menyertai Barisan Nasional, sumber itu berkata, sehingga ini tanda-tanda menunjukkan parti yang ditubuhkan oleh bekas ahli-ahli Snap pimpinan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie, Julai lalu, akan diterima sebagai suara.

Datuk James Wong sendiri kelmarin memberi kenyataan bahawa partinya akan menyokong permohonan PBDS untuk menyertai BN.

Tetapi, usaha memasukkan parti itu sebagai anggota BN di peringkat negeri Sarawak Ogos lalu tidak berjaya kerana Snap membantah.

Sumber itu berkata, sokongan Snap kali ini tidak begitu membawa erti kerana kedudukan parti itu sendiri yang menjadi persoalan utama dalam mesyuarat Majlis Tertinggi BN nanti.

Di samping itu, enam kerusi yang dimenangi oleh PBDS dalam pilihanraya negeri minggu lalu mudah cukup untuk mengukuhkan BN Sarawak walaupun dengan ketiadaan Snap.